

Guna kapal nelayan seludup barangan bersubsidi

Hazsyah Abdul Rahman
am@hmetro.com.my

KEGIATAN menyeludup keluar barangan bersubsidi dan runcit menggunakan bot pam serta kapal nelayan berjaya digagalkan Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah Empat Sabah, hari ini.

Dalam dua kes berasingan iaitu jam 9.45 pagi dan 11 pagi itu, empat lelaki Filipina berusia 30 hingga 50 tahun berjaya diberkas di perairan sempadan Malaysia-Filipina.

Difahamkan, dua suspek tidak memiliki dokumen pengenalan diri manakala dua lagi merupakan pemegang pas pengenalan sementara IMM13.

Komander PPM Wilayah Empat Sabah Asisten Komisioner Mohamad Pajeri Ali berkata, kes pertama membabitkan tiga lelaki dikesan menggunakan tiga bot pam secara berasingan.

"Sebaik ditahan, sebanyak 12 gelen dan empat tong jerikin berisi minyak petrol ditemui dalam bot digunakan suspek.



PELBAGAI barangan bersubsidi seperti petrol, tong gas, minyak masak dan gula ditemui dalam kapal nelayan terbabit disyaki cuba diseludup keluar. FOTO Hazsyah Abdul Rahman

• “Manakala, bagi kes kedua, suspek bersendirian didapati menggunakan kapal nelayan tempatan yang penuh dengan barangan bersubsidi seperti minyak petrol, tong gas, minyak masak, gula dan beras. Malah, pelbagai barangan runcit turut ditemui dalam kapal itu.

“Kedua-dua kes disyaki cuba menyeludup barangan itu ke Pulau Taganak, Filipina dan modus operandi mereka adalah dengan menggunakan bot nelayan bagi mengaburi mata pasukan keselamatan,” katanya dalam sidang media, di Sandakan, hari ini.

Mohamad Pajeri berkata, semua suspek dan barangan rampasan dibawa ke Markas PPM Sandakan untuk tindakan lanjut.

“Keseluruhan nilai rampasan dianggarkan lebih RM90,000 dan semua suspek ini bukan sahaja disiasat kerana menyeludup, tetapi juga akan didakwa kerana melanggar PKP.

“Siasatan diteruskan mengikut Seksyen 22 Akta Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1998 / Peraturan 7, Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah di dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) 2020 dan Akta Bekalan 1961,” katanya.

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/04/569181/guna-kapal-nelayan-seludup-barangan-bersubsidi-metrotv>

Artikel ini disiarkan pada : Isnin, 20 April 2020 @ 7:24 PM

